



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

BANCI EKONOMI 2026: DATA NADI EKONOMI RAKYAT

**Banci Ekonomi 2026: Mengukuhkan Asas Data Ekonomi
Negara**

PUTRAJAYA, 23 FEBRUARI 2026 – Majlis Peluncuran Banci Ekonomi 2026 telah dirasmikan oleh YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Haji Mohd Nasir, Menteri Ekonomi bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya pada hari ini. Turut hadir sama YB Dato' Indera Mohd Shahar Abdullah, Timbalan Menteri Ekonomi; YBhg. Datuk Seri Nor Azmie bin Diron, Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi dan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Majlis ini turut dihadiri oleh para pemegang taruh termasuk ahli-ahli Parlimen, antaranya YB Dato' Seri Dr. Hajah Wan Azizah binti Dato' Dr. Wan Ismail.

YB Menteri Ekonomi dalam ucapannya menyebut, pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 (BE 2026) merupakan satu projek nasional yang berupaya mentransformasikan sistem data ekonomi Malaysia ke arah yang lebih holistik, bersepadu dan berdaya saing. Beliau juga menekankan berhubung kepentingan pelaksanaan BE2026 dalam mengenal pasti kemunculan industri dan produk baharu yang mencerminkan perubahan struktur ekonomi, sejajar dengan perkembangan teknologi, pendigitalan dan keperluan pasaran global yang dinamik.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, majlis ini menandakan permulaan rasmi pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 (BE2026), sebuah projek statistik nasional yang menjadi asas penting dalam memperkukuh sistem data ekonomi negara. Kehadiran wakil kementerian, agensi kerajaan, pemain industri, ahli akademik serta rakan media mencerminkan komitmen bersama dalam memastikan statistik ekonomi negara terus relevan, berkualiti dan mampu menyokong penggubalan dasar berasaskan bukti. Dalam era ekonomi global yang semakin kompleks dan dinamik, data ekonomi yang tepat, komprehensif dan bertepatan masa bukan lagi satu pilihan, sebaliknya menjadi keperluan strategik bagi memastikan negara mampu merancang pembangunan secara berkesan dan berdaya tahan.

Ekonomi dunia kini berdepan pelbagai perubahan struktur yang dipacu oleh perkembangan teknologi digital, kecerdasan buatan, automasi, perubahan demografi global serta ketidakpastian geopolitik dan rantai bekalan. Perubahan ini turut mempengaruhi model operasi perniagaan yang semakin bersifat tanpa sempadan dan tanpa kebergantungan kepada aset fizikal, seperti model perniagaan digital, ekonomi

gig, serta penggunaan platform awan dan pembayaran elektronik. Dalam konteks ini, statistik ekonomi bukan sekadar angka, tetapi menjadi kompas strategik negara untuk memahami perubahan struktur ekonomi dan merangka dasar yang lebih responsif, inklusif dan mampan. Keperluan kepada data ekonomi yang lebih granular dan menyeluruh menjadi semakin penting bagi memastikan Malaysia kekal berdaya saing dalam ekonomi global yang sentiasa berubah.

Malaysia telah melalui transformasi ekonomi yang ketara sejak beberapa dekad lalu, daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi perindustrian dan seterusnya ekonomi berasaskan perkhidmatan serta teknologi. Evolusi ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam memperkukuh struktur ekonomi negara melalui pelbagai dasar pembangunan, termasuk Rancangan Malaysia Lima Tahun, dasar perindustrian dan agenda transformasi digital negara. Sektor perkhidmatan kini menjadi tunjang utama ekonomi Malaysia, disokong oleh pertumbuhan subsektor kewangan, teknologi maklumat dan komunikasi, pelancongan, perdagangan runcit dan perkhidmatan profesional. Pada masa yang sama, sektor pembuatan, pembinaan, pertanian serta perlombongan dan pengkuarian terus memainkan peranan penting dalam memastikan keseimbangan struktur ekonomi negara.

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tahun 2025 sebanyak 5.2 peratus dan 6.3 peratus pada suku keempat 2025 membuktikan kemampuan negara untuk berdaya tahan dalam suasana global yang semakin mencabar. Prestasi ini disokong oleh permintaan domestik yang stabil, pemulihan berterusan sektor perkhidmatan, peningkatan pelaburan serta aktiviti ekonomi yang lebih seimbang antara sektor. Momentum pertumbuhan ini mengukuhkan lagi keperluan kepada statistik ekonomi yang komprehensif dan bersepadu bagi menyokong perancangan pembangunan negara secara lebih berstrategi.

Dalam usaha memastikan dasar pembangunan negara terus berpaksikan realiti ekonomi semasa, BE2026 dilaksanakan sebagai instrumen strategik untuk mengumpul maklumat komprehensif mengenai struktur, prestasi dan dinamik aktiviti ekonomi di Malaysia. Banci ini merupakan edisi keenam pelaksanaan banci ekonomi negara dan meliputi tahun rujukan 2025. Pelaksanaannya bermula pada 5 Januari 2026 dan akan berlangsung sehingga 31 Oktober 2026 melalui pendekatan pengumpulan data yang lebih moden dan bersepadu. Banci ini merangkumi lima sektor utama ekonomi iaitu pertanian, perlombongan & pengkuarian, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan, serta melibatkan lebih 1.34 juta pertubuhan aktif di seluruh negara.

Selanjutnya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Pelaksanaan BE2026 telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan apabila sebanyak 416,942 pertubuhan mikro telah berjaya dibanci melalui pelaksanaan fasa awal operasi banci. Taburan pertubuhan ekonomi negara menunjukkan bahawa sektor perkhidmatan terus mendominasi struktur ekonomi dengan sumbangan sebanyak 83.6 peratus daripada jumlah pertubuhan, diikuti sektor pembinaan sebanyak 8.7 peratus, sektor pembuatan 5.5 peratus, sektor pertanian 1.9 peratus dan sektor

perlombongan & pengkuarian sebanyak 0.2 peratus. Dari segi geografi, Selangor, Kuala Lumpur dan Johor hampir mendominasi separuh daripada jumlah pertubuhan ekonomi negara, mencerminkan tumpuan aktiviti ekonomi di pusat pertumbuhan utama Malaysia.”

Buat pertama kali dalam sejarah pelaksanaan banci ekonomi negara, BE2026 memperluaskan liputan kepada sektor informal yang semakin penting dalam ekosistem ekonomi Malaysia. Liputan ini merangkumi aktiviti ekonomi seperti perniagaan dalam talian, penjaja kecil, homestay, pekerja gig dan pertubuhan bukan berasaskan keuntungan. Pendekatan ini selaras dengan prinsip “no business left behind”, bagi memastikan statistik ekonomi negara lebih inklusif dan mencerminkan realiti sebenar aktiviti ekonomi rakyat. Pengumpulan maklumat sektor informal ini akan membantu kerajaan memahami peranan ekonomi mikro dan komuniti secara lebih mendalam, seterusnya membolehkan dasar pemerkasaan ekonomi dirangka secara lebih tepat dan berkesan.

BE2026 menggunakan *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) 2025 yang selaras dengan piawaian antarabangsa, *International Standard Industrial Classification* (ISIC) terkini. Penggunaan klasifikasi baharu ini membolehkan aktiviti ekonomi moden seperti robotik, pusat data, tenaga boleh diperbaharui, aset digital, ekonomi kreatif dan perkhidmatan digital diklasifikasikan dengan lebih tepat. Pada masa yang sama, pelaksanaan BE2026 juga mengambil kira rangka kerja *System of National Accounts* 2025 (2025 SNA) yang memberi penekanan kepada ekonomi digital, globalisasi, harta intelek, kelestarian alam sekitar serta kesejahteraan rakyat melangkaui ukuran KDNK semata-mata.

Selaras dengan agenda pendigitalan sektor awam, pelaksanaan BE2026 turut memanfaatkan teknologi digital melalui penggunaan sistem e-Mikro, borang digital ringkas, portal komunikasi banci ekonomi serta platform dalam talian *e-Economic Census*. Inovasi ini bertujuan menjadikan proses pembancian lebih cekap, pantas dan mesra pengguna, di samping meningkatkan kualiti data yang dikumpul. Pendekatan ini juga mencerminkan transformasi Jabatan Perangkaan Malaysia sebagai institusi statistik yang progresif, berorientasikan teknologi dan lebih dekat dengan masyarakat serta pengguna data, khususnya golongan muda.

Pelaksanaan BE2026 juga selari dengan pelbagai dasar pembangunan negara seperti Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13), Pelan Ekonomi Digital Malaysia, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, Pelan Peralihan Tenaga Negara, Dasar Keusahawanan Nasional serta agenda pembangunan mampan. Data yang dikumpul melalui banci ini akan menjadi input penting dalam penggubalan dasar fiskal, monetari, sosial dan pembangunan, di samping membantu kerajaan menilai keberkesanan program sedia ada dan merancang strategi pembangunan ekonomi negara untuk dekad akan datang. Statistik yang dihasilkan juga akan meningkatkan keyakinan pelabur domestik dan antarabangsa terhadap ekonomi Malaysia.

BE2026 turut berfungsi sebagai platform untuk mengenal pasti industri dan produk baharu yang muncul hasil perubahan struktur ekonomi global dan domestik. Melalui

pengumpulan data yang lebih komprehensif, banci ini akan menyediakan penandaarasan baharu bagi statistik ekonomi negara serta memperkuat pangkalan data ekonomi Malaysia sebagai rujukan utama dalam perancangan pembangunan negara. Keupayaan untuk mengintegrasikan data daripada pelbagai sumber, termasuk data pentadbiran dan sumber digital, akan meningkatkan kapasiti sistem statistik negara ke tahap yang lebih maju.

Melangkah ke hadapan, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berharap agar semua pihak termasuk pertubuhan perniagaan, institusi, persatuan industri, agensi kerajaan, akademik dan masyarakat terus memberikan komitmen dalam menjayakan BE2026. Semua maklumat yang dikemukakan kepada Jabatan Perangkaan Malaysia adalah dirahsiakan sepenuhnya di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989) dan hanya digunakan bagi tujuan statistik rasmi. Kerjasama menyeluruh daripada semua pihak merupakan faktor utama dalam memastikan banci ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dan menghasilkan statistik ekonomi yang berkualiti tinggi.

Secara keseluruhannya, BE2026 merupakan satu usaha nasional yang penting dalam memperkuat ekosistem data ekonomi negara. Dengan tema “Data Nadi Ekonomi Rakyat”, data yang berkualiti adalah asas kepada dasar yang berkesan dan dasar yang berkesan adalah kunci kepada kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negara. Pelaksanaan BE2026 bukan sekadar pengumpulan data, tetapi merupakan pelaburan strategik negara dalam membina masa depan ekonomi yang lebih inklusif, berdaya tahan dan mampan untuk semua rakyat Malaysia.

Maklumat lanjut berkaitan Banci Ekonomi 2026 boleh dilayari di laman Facebook Banci Ekonomi 2026 www.facebook.com/banciekonomi2026/.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
23 FEBRUARI 2026


1. Evolusi Banci Ekonomi

Evolusi Banci Ekonomi



2. Maklumat dan Outcome Banci Ekonomi 2026

Maklumat dan *Outcome* Banci Ekonomi 2026



3. Skop & Liputan Banci Ekonomi 2026

Skop & Liputan Banci Ekonomi 2026

Sejumlah 1.34 juta pertubuhan diliputi dalam BE 2026 dalam lima (5) sektor ekonomi melibatkan 1,207 industri



Pertanian
25,414 pertubuhan
153 industri



Perombongan & Pengkuarian
3,333 pertubuhan
46 industri



Pembinaan
117,223 pertubuhan
78 industri



Pembuatan
73,747 pertubuhan
262 industri




Perkhidmatan
1,123,419 pertubuhan
668 industri


Pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 (BE2026) merangkumi 3 Fasa



4. Banci Ekonomi 2026: Taburan Pertubuhan Mengikut Negeri



5. KDNK Mengikut Negeri dan Jenis Aktiviti Ekonomi, 2024 : Pertumbuhan Tahunan & Peratus Sumbangan





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

ECONOMIC CENSUS 2026: *DATA NADI EKONOMI RAKYAT*

**Economic Census 2026: Strengthening the Nation's Economic
Data Foundations**

PUTRAJAYA, 23 FEBRUARY 2026 – The Launch Ceremony of the Economic Census 2026 was officiated today by YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Haji Mohd Nasir, Minister of Economy, at the Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya. Among those in attendance were YB Dato' Indera Mohd Shahar Abdullah, Deputy Minister of Economy; YBhg. Datuk Seri Nor Azmie bin Diron, Secretar General of the Ministry of Economy and YBhg. Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia and also serves as Commissioner of the Economic Census 2026. This ceremony was also attended by stakeholders, including Members of Parliament, among them YB Dato' Seri Dr Hajah Wan Azizah binti Dato' Dr Wan Ismail.

In his address, the Minister of Economy underscored that the implementation of the Economic Census 2026 (EC 2026) represents a strategic national undertaking aimed at transforming Malaysia's economic data ecosystem into a more holistic, integrated and competitive system. He further highlighted the critical role of EC 2026 in capturing the emergence of new industries and products that signal structural shifts within the economy, in alignment with technological advancements, digital transformation and the evolving demands of an increasingly dynamic global marketplace.

According to the Chief Statistician of Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin, the ceremony marked the official commencement of the Economic Census 2026 (EC2026), a major national statistical undertaking that provides a crucial foundation for strengthening the Malaysia's economic data system. The presence of representatives from ministries, government agencies, industry players, academia and the media reflects a shared and steadfast commitment to ensuring that national economic statistics remain relevant, high quality and fully capable of underpinning evidence-based policymaking. In an increasingly complex and fast-changing global economic environment, the availability of accurate, comprehensive and timely economic data is no longer optional; it is a strategic necessity to enable effective, resilient and forward-looking national development planning.

The global economy is experiencing significant structural transformation, propelled by rapid digital advancements, artificial intelligence, automation, shifting global demographics, as well as geopolitical tensions and supply chain disruptions. These

developments are reshaping business operating models, which are becoming increasingly borderless and less reliant on physical assets, as seen in the expansion of digital enterprises, the gig economy, cloud-based platforms and electronic payment systems. Within this context, economic statistics represent far more than numerical outputs, they function as a strategic compass for the nation in interpreting structural economic shifts and in crafting policies that are responsive, inclusive and sustainable. Consequently, the demand for more detailed and comprehensive economic data has become ever more critical to ensure that Malaysia remains competitive in a rapidly evolving global landscape.

Over the past decades, Malaysia has transitioned from an agriculture-based economy to an industrialised nation and subsequently to a services and technology driven economy. This transformation reflects the Government's sustained efforts through successive Malaysia Plans, industrial strategies and digital transformation initiatives. The services sector now forms the backbone of the economy, supported by financial services, information and communications technology, tourism, retail trade and professional services. Meanwhile, the manufacturing, construction, agriculture, mining and quarrying sectors continue to provide essential support for balanced economic development.

Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) grew by 5.2 per cent in 2025, with stronger momentum of 6.3 per cent recorded in the fourth quarter. This performance underscores the nation's resilience amid challenging global conditions, supported by stable domestic demand, sustained services sector expansion, increased investment activity and balanced sectoral growth. Such momentum reinforces the importance of comprehensive and integrated economic statistics in guiding strategic national planning.

To ensure that national development policies are firmly anchored in prevailing economic conditions, the Economic Census 2026 (EC2026) is being undertaken as a strategic initiative to collect comprehensive data on the structure, performance and evolving dynamics of Malaysia's economic activities. As the sixth edition of the national economic census, EC2026 covers the reference year 2025. The Census commenced on 5 January 2026 and will continue until 31 October 2026, adopting a more modern, integrated and technology driven data collection approach. It encompasses five key economic sectors namely agriculture, mining & quarrying, manufacturing, construction and services, involving more than 1.34 million active establishments nationwide.

Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin further noted that the implementation of EC2026 has recorded encouraging progress, with 416,942 micro establishments successfully enumerated during the initial phase of census operations. The distribution of establishments underscores the continued dominance of the services sector, which accounts for 83.6 per cent of total establishments. This is followed by construction (8.7 per cent), manufacturing (5.5 per cent), agriculture (1.9 per cent) and mining & quarrying (0.2 per cent). Geographically, Selangor, Kuala Lumpur, and Johor collectively account for nearly half of the country's total economic establishments,

reflecting the strong concentration of economic activities within Malaysia's principal growth centres.

For the first time in the history of the national economic census, EC2026 broadens its coverage to encompass the informal sector, recognising its increasing role in Malaysia's economic landscape. This includes activities such as online businesses, small-scale traders, homestay operators, gig workers, and non-profit organisations. Guided by the principle of "no business left behind," this expansion ensures that national economic statistics are more inclusive and reflective of actual economic participation. By capturing data on the informal sector, the Government will gain deeper insights into the contribution of micro and community based economies, thereby enabling the formulation of more targeted, responsive, and effective economic empowerment policies.

EC2026 adopts the Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2025, which is aligned with the latest International Standard Industrial Classification (ISIC). The application of this updated framework enables emerging and modern economic activities such as robotics, data centres, renewable energy, digital assets, the creative economy and digital services to be more accurately identified and classified within the national statistical system. In parallel, EC2026 incorporates the principles of the System of National Accounts 2025 (2025 SNA), which emphasise the measurement of the digital economy, globalisation, intellectual property, environmental sustainability, and societal well being beyond conventional GDP indicators.

In line with the public sector digitalisation agenda, EC2026 leverages technology through the e-Micro system, simplified digital forms, a dedicated economic census communication portal and the online e-Economic Census platform. These initiatives enhance efficiency, data quality and user experience, reflecting the transformation of the Department of Statistics Malaysia into a progressive and technology-oriented institution.

The implementation of EC2026 is also aligned with various national development policies, including the Thirteenth Malaysia Plan (13MP), the Malaysia Digital Economy Blueprint, the New Industrial Master Plan 2030, the National Energy Transition Roadmap, the National Entrepreneurship Policy and the sustainable development agenda. Data generated from this census will serve as key inputs for fiscal, monetary, social and development policymaking, while assisting the government in assessing the effectiveness of existing programmes and planning economic development strategies for the coming decade. The statistics produced will also enhance domestic and international investor confidence in Malaysia's economy.

EC2026 also serves as a platform to identify emerging industries arising from structural economic changes. Through integrated use of administrative and digital data sources, the Census will establish new benchmarks and further enhance the national statistical system.

Moving forward, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin expressed his sincere appreciation and called upon all stakeholders including business establishments, institutions, industry associations, government agencies, academia, and the public to continue extending their full cooperation to ensure the successful implementation of EC2026. He reaffirmed that all information provided to the Department of Statistics Malaysia is strictly confidential and protected under the Statistics Act 1965 and will be used solely for official statistical purposes. Comprehensive support and collaboration from all stakeholders are critical to ensuring the effective execution of the census and the production of high quality economic statistics.

Overall, EC2026 represents a strategic national investment in strengthening Malaysia's economic data ecosystem. Guided by the theme "Data Nadi Ekonomi Rakyat," quality data underpins effective policy, which in turn supports national prosperity and the well-being of the people.

Further information on the Economic Census 2026 is available via the Economic Census 2026 Facebook page at www.facebook.com/banciekonomi2026/

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed "**Data Nadi Ekonomi Rakyat**". The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.


OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
23 FEBRUARY 2026


1. Evolution of the Economic Census 2026 (BE2026)

Evolution of the Economic Census 2026 (BE2026)



2. Information and Outcomes of the Economic Census 2026 (BE2026)

Information and Outcomes of the Economic Census 2026 (BE2026)




3. Scope & Coverage of the Economic Census 2026 (BE2026)

Scope & Coverage of the Economic Census 2026 (BE2026)


A total of **1.34 million establishments** are covered under **BE2026**, spanning **five (5) economic sectors** and involving **1,207 industries**.



The implementation of the Economic Census 2026 (BE2026) comprises three (3) phases



4. Economic Census 2026 (BE2026): Distribution of Establishments by State



5. Gross Domestic Product (GDP) by State and Type of Economic Activity, 2024: Annual Growth and Percentage Contribution

